

# PELAKSANAAN PROGRAM DAKWAH KEPADA GOLONGAN PROFESIONAL TINJAUAN TERHADAP KEFAHAMAN DAN AMALAN AGAMA ISLAM

Ahmad Effat Mokhtar<sup>1</sup>, Ibrahim Hashim<sup>2</sup> & Abdul Munir Ismail<sup>3</sup>

<sup>1</sup>Jabatan Dakwah, Fakulti Pengajian Islam, Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah

<sup>2&3</sup>Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris

## Abstrak

Artikel ini bertujuan untuk mengenal pasti pelaksanaan program dakwah kepada golongan profesional Melayu di negeri Pahang dari segi kefahaman dan amalan agama Islam. Terdapat beberapa kes dari golongan profesional Melayu telah terlibat dengan ajaran sesat, salah laku dan terlibat dengan golongan LGBT. Reka bentuk kajian tinjauan berpandukan teori perlakuan bersebab digunakan untuk mengetahui hubungan faktor tingkah laku iaitu amalan agama, kefahaman agama dengan pelaksanaan program dakwah. Data kajian dianalisis secara deskriptif dan inferens menggunakan korelasi dan regresi berganda. Kajian ini juga menggunakan pendekatan kuantitatif dan disokong oleh data kualitatif. Seramai 318 orang golongan profesional terlibat untuk menjawab instrumen soal selidik. Sementara itu, seramai 37 orang responden yang terdiri daripada golongan profesional, pendakwah serta organisasi terlibat dengan sesi temu bual. Analisis korelasi telah menunjukkan bahawa pemboleh ubah kefahaman agama ( $r = 0.586$ ), amalan agama ( $r = 0.528$ ) telah mempengaruhi secara signifikan penerimaan para profesional terhadap program dakwah di negeri Pahang. Dapatan kajian menunjukkan organisasi dakwah banyak menjalankan program dakwah, namun tahap penerimaan dakwah daripada golongan profesional Melayu masih sederhana ( $\text{min}=3.16$ ). Analisis regresi berganda menunjukkan faktor kefahaman agama ( $\beta = 0.161$ ) program dakwah mempunyai pengaruh yang kuat dalam mempengaruhi hubungan antara penlaksanaan program dakwah dalam kalangan golongan profesional Melayu. Kesimpulan daripada kajian menunjukkan penggunaan teori perlakuan bersebab dalam mengenal pasti pelaksanaan program dakwah dapat meningkatkan kualiti program dakwah di Pahang. Implikasi kajian menunjukkan bahawa organisasi dakwah perlu mengambil perhatian terhadap faktor kefahaman agama supaya dakwah dapat diterima oleh golongan profesional dengan lebih berkesan.

**Kata kunci:** Program dakwah, golongan profesional, kefahaman dan amalan agama

## Perkembangan Artikel

Diterima: 12/5/2020

Disemak: 29/10/2020

Diterbitkan: 15/12/2020

## Penulis Utama:

Ahmad Effat Mokhtar  
Jabatan Dakwah,  
Fakulti Pengajian Islam,  
Kolej Universiti Islam  
Pahang Sultan Ahmad  
Shah (KUIPSAS),  
Kuantan, Pahang,  
Malaysia

## E-mel:

effat@kuipsas.edu.my

## PENGENALAN

Dakwah merupakan satu tanggungjawab yang perlu dilaksanakan oleh setiap anggota masyarakat Islam. Tanpa usaha dakwah yang berterusan, masyarakat menjadi pincang dengan masalah sosial yang berlaku dalam masyarakat tersebut. Firman Allah dalam surah al-Taubah (9) ayat 7 yang bermaksud:

Dan orang yang beriman, lelaki dan perempuan, sebahagian mereka (adalah) menjadi penolong bagi sebahagian yang lain. mereka menyuruh (mengerjakan) yang makruf, mencegah dari yang mungkar, mendirikan solat, menunaikan zakat dan mereka taat pada Allah dan Rasul-Nya. Mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah; Sesungguhnya Allah Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana. (Surah al-Tawbah (9):71)

Oleh itu, cara dakwah yang berkesan ialah bermula dengan mengenal pasti penyakit yang dialami oleh sasaran dakwah, kemudian mengetahui apa ubatnya (Abdul Karim Zaydan, 1999). Berdasarkan keadaan dan tingkah laku sasaran dakwah yang pelbagai, setiap pendakwah perlu mengetahui terlebih dahulu sasaran *mad'unya*. Bagaimanakah pemikiran dan kefahamannya? apakah penyakit atau masalahnya? apakah halangan-halangan yang mungkin timbul? (Fath Yakan, 1977). Antara golongan sasar dalam kerja dakwah ialah golongan profesional atau dahulunya dikenali sebagai golongan pembesar dan golongan menengah. Pertembungan golongan pembesar ini dengan para rasul a.s. banyak diceritakan dalam al-Qur'an dalam misi dakwah mereka. Rekod sejarah mencatatkan, kebanyakan kisah pertembungan dengan golongan pembesar ini adalah aspek penentangan. Faktor utama yang mendorong penentangan golongan ini terhadap dakwah para rasul a.s. sebagaimana yang telah diceritakan oleh al-Qur'an ialah sifat tamak, sifat jahil, sifat takbur dan sebagainya demi mempertahankan kuasa dan kehendak nafsu (Abdul Karim Zaydan, 1999).

Lantaran itu, berdakwah kepada golongan profesional agak mencabar berbanding golongan lain. Sebab itu amat perlu ditekankan kepada program dakwah yang sesuai kepada mereka. Antara aspek yang perlu ditekankan dalam berdakwah kepada golongan profesional, supaya ia mengikut dakwah yang sesuai ialah aspek berhubung dengan tingkah laku selain daripada mempunyai pendekatan yang jelas tentang program dakwah, keadaan sasaran dakwah dan sebagainya. Aspek berkaitan psikologi golongan profesional mesti diberi penekanan untuk menghindar atau meminimumkan perasaan tidak senang hati mereka terhadap kerja dakwah (Ab. Aziz Mohd Zin, 1999).

Gullick (1964), menyatakan bahawa golongan profesional adalah produk daripada pemodenan masyarakat hari ini atau mereka ini dikenali sebagai kelas menengah semasa awal pemerintahan British. Di kebanyakan negara sedang membangun khususnya di Malaysia, golongan ini diperlihatkan sebagai nadi utama dan memainkan peranan yang sangat penting dalam mencorakkan pentadbiran negara, bahkan menjadi tulang belakang dalam usaha memajukan ekonomi dan masyarakat. Dalam sistem masyarakat masa kini, golongan ini kebiasaannya terdiri daripada golongan yang terpelajar dan menjawat jawatan-jawatan profesional mengikut bidang seperti peguam, akauntan, doktor, pensyarah, dan sebagainya (Yab Beng Liang 1989). Mereka turut dilabelkan sebagai pemikir dan aset utama negara yang berperanan menjana idea-idea bernas dan kreatif dalam memastikan kejayaan dan kemajuan sesebuah negara. Kelahiran dan perkembangan golongan profesional Melayu sebagai sebahagian penting dari kelas menengah baru Malaysia adalah hasil daripada pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) 1971-1990 (Nor Hayati Sa'at, 2004).

Justeru itu, tidak hairan sumbangan dan jasa besar mereka dalam proses pemodenan dan kemajuan Malaysia hari ini telah meletakkan kedudukan golongan ini sebagai golongan yang hebat dan mempunyai pengaruh yang besar di sisi masyarakat. Impaknya, masyarakat

memandang mereka sebagai golongan yang *sophisticated* (moden), penuh dengan nilai-nilai positif, dengan personaliti dan penampilan yang hebat, kemas dan elegan, berkarisma, petah berbicara dan hidup dengan nilai kemasyarakatan yang tinggi (Nordin Selat, 1976).

Namun demikian, realitinya golongan profesional mempunyai ruang kerja yang mencabar, sibuk, bercita rasa tinggi dan hidup dalam kelompok tersendiri dengan gaya hidup yang pelbagai. Ada yang senang memilih gaya hidup Barat yang lebih mewah dan moden. Ada juga golongan profesional yang memilih hidup secara sederhana dan bersahaja serta taat mengikut ajaran Islam (Mohd Kamal Hassan, 1996). Kehidupan dengan cara kedua ini lebih hampir sebagaimana yang disarankan melalui Firman Allah dalam Surah al-Qasas (28) ayat 77 yang bermaksud:

Dan carilah pada apa yang telah dianugerahkan Allah kepada mu (kebahagiaan) negeri akhirat, dan janganlah kamu melupakan bahagian mu dari (kenikmatan) duniawi dan berbuat baiklah (kepada orang lain) sebagaimana Allah telah berbuat baik, kepada mu, dan janganlah kamu berbuat kerosakan di (muka) bumi. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang berbuat kerosakan. (Surah al-Qasas (28):77)

Pelbagai persoalan timbul dalam memahami keperibadian, mentaliti dan prinsip hidup golongan profesional ini. Maka menjadi satu tanggungjawab para pendakwah masa kini mencari pendekatan dan alternatif terbaik yang sesuai dalam memastikan golongan profesional tidak diabaikan dengan dakwah sekali gus dapat membentuk satu jaringan harmoni dalam kehidupan mereka berlandaskan syariat Islam yang sebenar.

## **METODOLOGI**

Menyentuh aspek sampel kajian, penyelidik membatasinya kepada golongan profesional Melayu sahaja. Pemilihan golongan profesional ini untuk memberikan respons terhadap konstruk dan item-item soal selidik yang digunakan. Tambahan pula golongan profesional Melayu yang dinyatakan seramai 318 orang merangkumi sebahagian golongan profesional Melayu yang lain. Pemilihan golongan profesional di atas juga mampu memberikan gambaran sebenar penerimaan golongan profesional kepada program dakwah yang dijalankan di negeri Pahang. Sumbangan pelbagai golongan profesional sama ada profesional berdaftar, tidak berdaftar amat penting dalam pembangunan negara dan masyarakat. Golongan profesional terdiri daripada jurutera, doktor, arkitek, peguam, dan akauntan. Golongan profesional tidak berdaftar pula adalah seperti pensyarah, pegawai tadbir dan pengurus pelbagai peringkat. (Jabatan Perangkaan Malaysia, Statistik Utama Pahang 2017).

Kajian turut memfokuskan kepada dua komponen penting mengenai tingkah laku seseorang sebagai konstruk kajian (kefahaman dan amalan agama). Pemilihan ini bukan bermakna komponen tingkah laku yang lain tidak penting tetapi lebih menjuruskan kepada apa yang ditekankan dalam kerangka teori dan konsep program yang dipilih dalam kajian ini iaitu Abdul Karim Zaydan (1999), Ab. Aziz Mohd Zin (1999 & 2004), Fishbein & Ajzen (1975, 1980).

Oleh itu, kajian ini memfokuskan program dakwah sebagai faktor proses dan penerimaan golongan profesional sebagai faktor produk serta meninjau perkaitan hubungan antara keduanya. Perkara ini menjadikan fokus kajian tertumpu kepada faktor proses dan produk sahaja tanpa memfokuskan faktor konteks atau input sebagaimana yang dilakukan oleh penyelidik lain.

## **GOLONGAN PROFESIONAL**

Menurut Khalil al-Jurr (t.t), profesional dalam bahasa Arab adalah *احترافي* atau *محترف* iaitu seseorang yang mempunyai sifat profesionalisme yang tinggi dalam pekerjaan seperti peguam, arkitek, jurutera, doktor, akauntan dan lain-lain. Menurut Graham Parr (2004), profesional merujuk kepada profesion individu sebagai suatu pekerjaan tetap dan menghasilkan pendapatan utama dengan mempunyai tahap kecekapan, akauntabiliti dan tanggungjawab. Profesional merupakan seseorang individu atau golongan yang melakukan sesuatu pekerjaan atau profesion atau bidang dengan menggunakan kepakaran, kecekapan atau kemahiran yang diperlukan dalam bidang yang diceburinya dan ia melibatkan pembayaran di mana pekerjaan yang dilakukan secara profesional itu merupakan mata pencarian dan pekerjaan tetapnya (Mohd. Janib Johari, 2001). Manakala Mohd Shahar Sidek (1993) berpendapat profesional adalah satu khidmat yang diberi tanpa menyebelahi mana-mana pihak tetapi ia bertujuan untuk menjayakan sesuatu urusan melibatkan beberapa nilai utama iaitu berilmu, kreatif, jujur, ikhlas, amanah dan mesra dalam memberi perkhidmatan kepada pelanggan.


Abdul Rahman Embong (1998) mengklasifikasikan golongan profesional merupakan satu kelompok baru dalam struktur kelas masyarakat. Ia lahir hasil daripada perkembangan pesat perindustrian dan perdagangan. Kemunculan mereka berkaitan erat dengan fenomena pemisahan antara pemilikan dengan pengurusan. Dengan berlakunya pemisahan tersebut, golongan pemilik (kapitalis) yang memiliki syarikat telah dibezakan dengan golongan pengurus dan profesional yang mengendalikan pengurusan syarikat berkenaan. Pemisahan ini telah melahirkan golongan pengurus dan profesional. Mereka menjadi satu golongan yang amat penting bagi perjalanan ekonomi moden. Peranan golongan pengurus dan profesional menjadi semakin menonjol selepas Perang Dunia Kedua hingga sesetengah sarjana Barat menggambarkan perubahan tersebut sebagai 'revolusi pengurusan'.

Dalam bidang pekerjaan golongan profesional di Pahang adalah merangkumi pegawai kanan kerajaan, pensyarah, akauntan, doktor, peguam, juruukur, jurutera dan sebagainya. Mereka telah banyak memberi sumbangan kepada Negeri Pahang bagi membangunkan Negeri Pahang dalam semua aspek seperti politik, ekonomi dan pembangunan insan dan sebagainya. (UPEN, 2016)

Dapat disimpulkan bahawa terdapat perbezaan pandangan tentang definisi profesional. Walau bagaimanapun, semua definisi di atas memberi maksud yang hampir sama bagi golongan profesional iaitu sekumpulan manusia yang mempunyai ciri-ciri kemahiran dalam sesuatu bidang pekerjaan tertentu sesuai dengan standard kerja yang telah ditetapkan. Ia hasil daripada ledakan perindustrian, perdagangan serta pemodenan masyarakat. Secara umum golongan profesional terdiri daripada mereka yang terlibat dalam profesion tertentu seperti doktor, peguam, jurutera, akauntan, arkitek dan lain-lain. Sebelum ini mereka dikenali sebagai golongan kolar putih atau menengah dan disebabkan perubahan semasa dalam negara, kini mereka lebih dikenali sebagai golongan profesional.

## KERANGKA KONSEPTUAL KAJIAN

Penyelidik telah merumuskan kerangka konsep kajian ini seperti gambar rajah berikut di bawah.



Rajah 1: Kerangka Konseptual

## PROFIL GOLONGAN PROFESIONAL MELAYU PAHANG

Kajian melibatkan kumpulan responden golongan profesional Melayu di negeri Pahang. Profil responden kajian ini diperoleh melalui satu set instrumen soal selidik yang telah diedarkan kepada responden golongan profesional di sekitar 14 buah daerah bandar mengikut zon di Pahang sebagai lokasi dalam kajian ini. Oleh yang demikian, data ini memaparkan profil golongan profesional yang wujud di Pahang.

### PROFIL RESPONDEN PROFESIONAL (SOAL-SELIDIK)

Profil responden golongan profesional Melayu terdiri daripada doktor, peguam, akauntan, jurutera, arkitek, pensyarah dan pegawai kanan yang mengikuti program dakwah. Dapatan ini turut melaporkan maklumat responden berdasarkan, jantina, umur, status perkahwinan, pendidikan, pekerjaan, bidang profesional, pendapatan dan kediaman.

Berdasarkan paparan dalam Jadual 1, data menunjukkan terdapat seramai 318 orang golongan profesional Melayu yang dijadikan sampel dalam kajian ini. Daripada keseluruhan responden, seramai 208 orang (65.4%) adalah lelaki dan 110 orang (34.6%) adalah perempuan. Dapatan ini menunjukkan responden dalam kalangan profesional lelaki mendominasi jumlah keseluruhan responden yang terlibat dalam kajian ini.

Dari segi umur, responden tertinggi adalah daripada kalangan profesional berumur 31 hingga 40 tahun iaitu 159 (50.0%), diikuti umur 41-50 tahun (28.3%), 21-30 tahun (16.4%) dan 51 tahun ke atas adalah responden terendah (5.3%) seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1

*Profil Responden Golongan Profesional Berdasarkan Jantina dan Umur*

<b>Demografi</b>	<b>Item</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratus</b>
Jantina	Lelaki	208	65.4%
	Perempuan	110	34.6%
Umur	21-30	52	16.4%
	31-40	159	50.2%
	41-50	90	28.3%
	51 dan ke atas	17	5.3%

Jadual 2 seterusnya menunjukkan status perkahwinan responden. Majoriti daripada responden sudah berkahwin iaitu seramai 81.2% (258 orang) daripada keseluruhannya dan hanya 15.1% (48 orang) responden yang masih bujang. Dalam aspek kelulusan pendidikan, seramai 246 orang (77.4%) golongan profesional memiliki sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda dalam bidang pengajian masing-masing, sarjana seramai 61 orang (19.2%) dan berkelulusan doktor falsafah (PhD) seramai 11 orang (3.5%).

Daripada aspek sektor pekerjaan, sektor swasta seramai 167 orang (52.5%) sektor kerajaan terdiri daripada 147 orang (46.2%) dan lain-lain sektor seramai 4 orang (1.3%). Data tersebut adalah seperti dalam Jadual 2.

Jadual 2

*Profil Responden Golongan Profesional Berdasarkan Status Perkahwinan, Pendidikan dan Pekerjaan*

<b>Demografi</b>	<b>Item</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratus</b>
Perkahwinan	Berkahwin	258	81.2%
	Bujang	48	15.1%
	Duda	11	3.5%
	Janda	1	0.3%
Pendidikan	Ijazah	246	77.4%
	Sarjana	61	19.2%
	Ph.D	11	3.5%
Pekerjaan	Kerajaan	147	46.2%
	Swasta	167	52.5%
	Lain-lain	4	1.3%

Jadual 3 memaparkan klasifikasi bidang profesional responden. Hasil kajian mendapati terdapat 7 bidang profesional yang wujud iaitu pensyarah seramai 52 orang (16.4%), akauntan seramai 51 orang (16.0%), doktor seramai 48 orang (15.1%), arkitek seramai 47 orang (14.8%), jurutera seramai 38 orang (11.9%), peguam seramai 36 orang (11.3%), pegawai kanan seramai 35 orang (11.9%) dan lain-lain seramai 11 orang (3.5%).

Daripada aspek pendapatan, ia adalah berdasarkan bidang, kemahiran dan jawatan masing-masing. Daripada keseluruhan responden, seramai 124 orang (39%) menerima gaji sebanyak RM 3,000-6,000 sebulan, seramai 102 orang (32.1%) sebanyak RM6,001-8,000, seramai 64 orang (20.1%) sebanyak RM8,001-10,000 dan seramai 28 orang (8.8%) menerima gaji sebanyak RM10,001 ke atas. Daripada segi kediaman, mendiami apartmen, 179 orang (56.3%) seramai 110 orang (34.6%) menduduki rumah banglo, 23 orang (7.2%) mendiami perumahan sederhana dan seorang (3%) mendiami lain-lain kediaman seperti dalam Jadual 3.

Jadual 3

*Profil Responden Golongan Profesional Berdasarkan bidang Profesional, Dapatan dan Kediaman*

<b>Demografi</b>	<b>Item</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratus</b>
Bidang Profesional	Peguam	36	11.3%
	Akauntan	51	16.0%
	Arkitek	47	14.8%
	Jurutera	38	11.9%
	Doktor	48	15.1%
	Pensyarah	52	16.4%
	Pegawai Kanan	35	11.9%
	Lain-lain	11	3.5%
Pendapatan (RM)	3,500- 6,000	124	39.0%
	6,001-8,000	102	32.1%
	8,001-10,000	64	20.1%
	10,001 ke atas	28	8.8%
Kediaman	Banglo	110	34.6%
	Apartmen	23	7.2%
	Perumahan	179	56.3%
	Lain-lain	1	0.3%

### **PROFIL RESPONDEN PROFESIONAL (TEMU BUAL)**

Kajian ini menunjukkan 14 orang responden daripada golongan profesional terlibat dengan sesi temu bual. Hasil kajian mendapati daripada aspek jantina menunjukkan lapan orang adalah lelaki dan enam orang adalah perempuan. Seterusnya daripada aspek latar belakang pekerjaan, seramai tujuh orang bekerja dengan kerajaan dan tujuh orang bekerja swasta. Manakala daripada segi bidang profesional, setiap satu bidang tersebut terdiri daripada dua orang seperti dalam Jadual 4.

Jadual 4

*Profil Responden golongan profesional bagi Data Temu bual berdasarkan Jantina, Pekerjaan dan Bidang Profesion*

<b>Jantina</b>		<b>Pekerjaan</b>		<b>Badang profesional</b>	
Lelaki	8	Kerajaan	7	Doktor Perubatan	2
Perempuan	6	Swasta	7	Peguam	2
				Akauntan	2
				Juruukur	2
				Jurutera	2
				Pensyarah	2
				Pegawai kanan	2
Jumlah	14		14		14

### **DAPATAN ANALISIS DESKRIPTIF**

Analisis deskriptif digunakan bagi mengenal pasti profil responden kajian. Antara ujian yang digunakan adalah kekerapan, peratus, skor min dan sisihan piawai berdasarkan dapatan daripada responden kajian.

## KEFAHAMAN AGAMA DALAM KALANGAN GOLONGAN PROFESIONAL

Secara keseluruhan, analisis deskriptif tahap kefahaman agama adalah baik menurut responden adalah pada skor min 4.00 dengan sisihan piawai 0.562 iaitu berada pada tahap tinggi. Manakala tahap memahami rukun iman adalah pada skor min 4.85 dengan sisihan piawai 0.351, berada pada tahap tinggi. Secara lebih terperinci, dapatan kajian bagi kefahaman agama berdasarkan soal selidik adalah seperti dalam Jadual 5.

Jadual 5

*Analisis Deskriptif Kefahaman Agama dalam Kalangan Golongan Profesional*

<b>Min Dan Sisihan Piawai Item Kajian</b>									
No	Item	STS	TS	TP	S	SS	Min	SP	Int.
B15	Saya memahami akidah Islam dengan percaya kepada rukun Iman.	0 0%	0 0%	0 0%	40 12.6%	278 87.4%	4.85	.351	T
B14	Saya tahu belajar agama Islam itu perlu dipelajari sepanjang hayat.	0 0%	1 0.3%	14 4.4%	119 37.4%	184 57.9%	4.53	.598	T
B9	Saya memahami agama Islam dengan baik.	0 %	0 %	50 15.7%	218 68.6%	50 15.7%	4.00	.562	T
B10	Saya memahami agama Islam dengan merujuk kepada ahli agama.	0 %	6 1.9%	66 20.8%	170 53.5%	76 23.9%	3.99	.724	ST
B11	Saya memahami agama Islam dengan merujuk media cetak.	4 1.3%	13 4.1%	41 12.9%	192 60.4%	68 21.4%	3.97	.788	ST
B12	Saya memahami agama Islam dengan merujuk media elektronik.	3 0.9%	25 7.9%	44 13.8%	181 56.9%	65 20.4%	3.88	.854	ST
B13	Saya kerap melakukan ibadah solat berjemaah di masjid/surau.	11 3.5%	64 20.1%	115 36.2%	94 29.6%	34 10.7%	3.24	1.00 4%	ST

[Tahap] STS: Sangat Tidak Setuju TS: Tidak Setuju TP: Tidak Pasti S: Setuju SS: Sangat Setuju

Hasil kajian mendapati kesemua 3 item mencatatkan interpretasi min pada tahap tinggi dan 4 item yang mencatatkan interpretasi min pada tahap sederhana tinggi dan sederhana rendah. Secara terperinci 7 item yang mendapat skor min mengikut urutan tertinggi adalah item B15- memahami akidah Islam (min 4.85, sp=.351) dengan peratus sangat setuju dan setuju



ialah 100%, item B14- belajar agama Islam itu perlu dipelajari sepanjang hayat (min 4.53, sp=.598) dengan peratus sangat setuju dan setuju ialah 95.4% , dan item B9- memahami agama Islam dengan baik (min 4.00, sp=.562) dengan peratus sangat setuju dan setuju ialah 88.3%.

Manakala item-item yang mendapat interpretasi skor min mengikut urutan sederhana tinggi pula ialah item B10- merujuk kepada ahli agama (min 3.99, sp= .724) dengan peratus sangat setuju dan setuju ialah 77.4% , item B11- merujuk media cetak. (min 3.97, sp=.788) dengan peratus sangat setuju dan setuju ialah 81.8%, item B12- merujuk media elektronik (min 3.88, sp=.854) dengan peratus sangat setuju dan setuju 77.3%, dan item B13- melakukan ibadah solat berjemaah di masjid/surau (min 3.24, sp= 1.004) dengan peratus sangat setuju dan setuju ialah 40.2%.

Berdasarkan hasil kajian dari soal selidik ini menjelaskan bahawa walaupun golongan profesional telah memahami agama Islam dengan baik secara menyeluruh namun ia masih belum mantap akidahnya dan perlu dipertingkatkan lagi supaya akidah mereka lebih mantap. Oleh itu, analisis secara deskriptif menunjukkan bahawa item nombor 15 mempunyai nilai min yang tertinggi iaitu 4.85 dengan sisihan piawai .351. Oleh sebab min melebihi nilai .301 ke atas ini bermakna, untuk pemboleh ubah kefahaman agama (memahami akidah Islam dengan percaya kepada rukun Iman), golongan profesional mempunyai kecenderungan berpendapat bahawa penerimaan program dakwah terhadap kefahaman agama mereka adalah yang terpenting. Kajian telah menunjukkan nilai min bagi pemboleh ubah kefahaman secara keseluruhan adalah  $M=4.39$ .

Manakala kajian melalui temu bual dengan PR 4 , PR 8 dan PR 6 berpendapat bahawa kebanyakan golongan profesional mempunyai asas pengetahuan agama Islam, namun demikian mereka perlu diberi ilmu secara berterusan dalam bidang akidah, fikah dan tasawuf untuk menambahkan dan memantapkan ilmu agama mereka untuk bekalan akhirat. Secara jelasnya, dapatan ini menunjukkan bahawa golongan profesional Melayu kebanyakannya memahami agama Islam dengan baik. Berdasarkan hasil kajian daripada soal selidik dan temu bual ini menjelaskan bahawa walaupun golongan profesional telah memahami agama Islam dengan baik secara menyeluruh.

## AMALAN AGAMA DALAM KALANGAN GOLONGAN PROFESIONAL

Daripada aspek amalan agama dalam kalangan golongan profesional ia dilaporkan berdasarkan dapatan kajian melalui instrumen soal selidik dan temu bual. Dapatan kajian bagi amalan agama berdasarkan soal selidik adalah seperti dalam Jadual 6 di bawah.

Jadual 6

*Analisis deskriptif amalan agama dalam kalangan golongan profesional*

<b>Min dan sisihan piawai item kajian</b>									
No	Item	STS	TS	TP	S	SS	Min	SP	Int.
C18	Saya melakukan amalan tolong-menolong sesama insan.	0 0%	0 0%	3 9%	115 36.2%	200 62.9%	4.62	.505	T
C19	Saya melakukan amalan beramanah dalam segala perkara.	0 0%	0 0%	11 3.5%	105 33.0%	202 63.5%	4.60	.557	T
C17	Saya melakukan amalan	0 0%	0 0%	5 1.6%	123 38.7%	190 59.7%	4.58	.525	T

C20	bertoleransi sesama Insan. Saya melakukan amalan menghormati sesama insan. Saya melakukan amalan	0 0%	0 0%	6 1.9%	120 37.7%	192 60.4%	4.58	.530	T
C22	berkomunikasi dengan baik sesama insan. Saya melakukan amalan	0 0%	0 0%	7 2.2%	119 37.4%	192 60.4%	4.58	.537	T
C21	berakhlak mulia. Saya melakukan amalan	0 0%	0 0%	7 2.2%	126 39.6%	185 58.2%	4.56	.540	T
C16	ibadah berdasarkan rukun Islam. Saya melakukan amalan	11 3.5 %	64 20.%	115 36.%	94 29.6%	34 10.7%	4.41	551	T

[Tahap] STS: Sangat Tidak Setuju. TS: Tidak Setuju. TP: Tidak Pasti. S: Setuju. SS: Sangat Setuju

Hasil kajian mendapati kesemua 7 item mencatatkan interpretasi min pada tahap tinggi dan tiada item yang mencatatkan interpretasi min pada tahap sederhana tinggi dan sederhana rendah. Secara terperinci, 7 item yang mendapat skor min mengikut urutan tertinggi adalah item C18- amalan tolong-menolong sesama insan (min 4.62,  $sp=.505$ ) dengan peratus sangat setuju dan setuju ialah 100%, item C19- amalan beramanah dalam segala perkara. (min 4.60,  $sp=.557$ ) dengan peratus sangat setuju dan setuju ialah 95.3% dan item C17- amalan bertoleransi sesama insan (min 4.58,  $sp=.525$ ) dengan peratus sangat setuju dan setuju ialah 83.4%. C20- amalan menghormati sesama insan (min 4.58,  $sp=.530$ ) dengan peratus sangat setuju dan setuju ialah 77.4% , item C22- amalan berkomunikasi dengan baik sesama insan. (min 4.58,  $sp=.537$ ) dengan peratus sangat setuju dan setuju ialah 81.8%, item C21- amalan berakhlak mulia. (min 4.56,  $sp=.540$ ) dengan peratus sangat setuju dan setuju 77.3%, dan item C16- amalan ibadah berdasarkan rukun Islam. (min 4.41,  $sp=.551$ ) dengan peratus sangat setuju dan setuju ialah 40.3% .

Berdasarkan hasil kajian daripada soal selidik ini menjelaskan bahawa golongan profesional telah mengamalkan ajaran agama Islam dengan baik dan secara menyeluruh. Walau bagaimanapun, tahap amalan tersebut perlu dipertingkatkan lagi supaya ibadah dan akhlak mereka terus di perkasa dengan amalan Islam.

Kesimpulannya, data menunjukkan bahawa item C18 dan C19 mempunyai nilai min yang tertinggi iaitu 4.62 dan 4.60 dengan sisihan piawai .505 dan .557. Oleh sebab min melebihi nilai tengah tiga, ini bermakna, untuk pemboleh ubah amalan agama, golongan profesional mempunyai kecenderungan untuk berpendapat bahawa manfaat yang diberikan oleh penerimaan program dakwah terhadap mereka adalah amalan tolong-menolong sesama insan yang terpenting dalam program dakwah. Manakala kajian telah menunjukkan nilai min bagi pemboleh ubah amalan agama secara keseluruhan adalah  $M=4.52$ .

Menurut PR 8 dan PR 12, golongan profesional amat mudah untuk memberi bantuan dari segi kewangan dalam program dakwah. Perkara ini turut dipersetujui PR 3 dan PR 2 yang menjelaskan sikap tolong-menolong dalam kalangan mereka amat tinggi. Sebagai contoh, golongan profesional sangat gemar dan mudah memberi bantuan kepada badan-badan NGO untuk menjalankan program agama kepada masyarakat.

## **PERBINCANGAN HASIL KAJIAN KEFAHAMAN AGAMA DAN AMALAN AGAMA GOLONGAN PROFESIONAL.**

Tahap kefahaman dan pengamalan ajaran Islam dalam kalangan golongan profesional Melayu. Hasil kajian telah menunjukkan bahawa tahap kefahaman dan pengamalan ajaran Islam dalam kalangan golongan profesional Melayu berada pada peringkat tinggi. Hal ini menjelaskan bahawa dari segi kefahaman dan amalan ajaran Islam, golongan profesional tidak mempunyai masalah. Ini terbukti apabila terdapat ramai golongan profesional yang terlibat dengan aktiviti-aktiviti sosial yang berteraskan keagamaan.

Kajian Mahmudah Hj Nawawi (2006), menyatakan program dakwah yang dilaksanakan oleh TNB sangat berkesan ke atas mereka dalam memahami dan mengamalkan ibadah harian mereka seperti solat, zakat dan menunaikan haji.

Menurut Ahmad Effat Mokhtar (2009), pula dalam kajian terhadap kefahaman akidah golongan elit menunjukkan. Hasil kajian ini dapat digambarkan bahawa kebanyakan responden telah memahami akidah dengan baik. pemahaman agama Islam secara umum iaitu 68% daripada mereka mendapat pendidikan agama dan majoriti responden telah melaksanakan suruhan agama dengan baik seperti mengerjakan ibadah solat lima waktu, membayar zakat, beramanah dalam segala hal. Dapatan ini disokong kajian yang dijalankan oleh Kamil Sidek (2003), pula mengatakan kefahaman dan amalan mempunyai kesan kepada program dakwah kepada golongan profesional di Shah Alam yang dilaksanakan oleh JAIS.

Menurut PR 8, golongan profesional mudah membantu golongan fakir miskin dan orang dalam kesusahan. Sungguhpun demikian, penyertaan tersebut tidak semestinya menggambarkan bahawa mereka adalah golongan yang benar-benar faham tentang agama dan benar-benar beramal dengan amalan yang sepatutnya, tetapi menurut PG 2 dan PG 22 terdapat juga dalam kalangan golongan profesional terpengaruh dan terlibat dengan jenayah syariah dan juga ajaran sesat di negeri Pahang.

Menurut PG 4, ramai dalam kalangan golongan profesional membantu golongan yang susah dengan memberi bantuan kewangan dan harta benda terutama di bulan Ramadhan. Mereka turut membantu mangsa banjir. Selain itu, mereka turut terlibat dalam aktiviti penyembelihan Korban, menyediakan juadah berbuka puasa, membersihkan masjid dan surau serta aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh badan-badan agama di Pahang.

### **CADANGAN KAJIAN**

Secara umumnya kajian ini berjaya memberikan gambaran tentang penerimaan golongan profesional terhadap program dakwah yang dijalankan di negeri Pahang. Namun secara khususnya beberapa bentuk kajian lanjutan seperti berikut disarankan:

- i. Kajian ini merupakan kajian secara khusus di negeri Pahang untuk mengetahui kefahaman agama, amalan agama dalam program dakwah kepada golongan profesional Melayu terhadap pelaksanaan program dakwah yang dijalankan di Pahang. Oleh itu, dicadangkan satu kajian lain yang lebih khusus untuk menilai program dakwah dan keberkesanan golongan profesional terhadap dakwah di Malaysia. Kajian sebegini penting untuk melihat sejauh mana program dakwah dapat menarik golongan profesional kepada program agama Islam yang akan dijalankan.
- ii. Berdasarkan kajian yang dilakukan menunjukkan bahawa pelaksanaan program dakwah yang sesuai sangat penting bagi menarik lebih ramai golongan profesional memahami dan melaksanakan tanggungjawab sebagai Muslim. Namun begitu,

kajian ini mendapati tidak semua daripada golongan profesional di Pahang yang mengambil berat tentang agama Islam. Oleh itu, dicadangkan kepada pengkaji yang akan datang supaya melakukan satu kajian khusus untuk mengetahui secara terperinci sebab yang menghalang kebanyakan golongan profesional daripada mengikut dan mengamalkan ajaran Islam secara syumul.

- iii. Memandangkan kajian ini merupakan kajian tinjauan melalui soal selidik dengan sokongan temu bual bersama beberapa pihak tertentu dan mengedarkan borang soal selidik, maka dicadangkan kajian yang berbentuk lain seperti kajian kes, kajian perbandingan dan sebagainya dapat dilakukan untuk kajian selanjutnya. Dengan itu aspek-aspek tertentu dapat diperdalam maklumat mengenainya.

Kesimpulannya pendekatan yang berterusan ke arah memantapkan program dakwah haruslah dilaksanakan oleh semua pihak. Cara dakwah kepada golongan profesional hendaklah dilakukan dengan pendekatan yang bersesuaian dengan mereka, kerana dakwah mempunyai cirinya yang tersendiri selaras dengan masa kini. Oleh itu, pendekatan yang terdahulu yang dilakukan oleh para rasul, sahabat dan para ulama boleh diguna pakai sebagai rujukan untuk memantapkan dakwah masa kini.

## RUJUKAN

Al-Qur'an al-Karim.

A. Aziz Deraman. (2001). *Masyarakat dan Kebudayaan Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abdul Karim Zaydan. (1999). *Usul al-Da'wah*. Bairut: Mu'assasah al-Risalah.

Abdul Karim Zaydan. (2002). *Islam dan Dakwah*. Terj: Solehan Ayub dan Anwar Fikhri Omar. Kuala Lumpur: Pustaka Salam.

Abdullah Mohd Zin. (1991). *Islamic Dakwah*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.

Ab. Aziz Mohd Zin. (2004). *Metodologi Dakwah*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Ab. Aziz Mohd Zin. (1999). *Psikologi Dakwah*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Abdul Munir Ismail. (2014). *Dakwah Suatu Tuntutan Dalam Islam*. Tanjung Malim Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Abdul Rahman Embong. (1998). Golongan Pengurus dan Profesional Melayu: Satu Kajian tentang pemodenan dan transformasi masyarakat. *Laporan Akhir Penyelidikan*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Ahmad Effat Mokhtar. (2009). Metodologi Dakwah Terhadap Golongan Elit Melayu: Kajian Di Kuantan Pahang. *Disertasi Sarjana Usuluddin*. Akademi Pengajian Islam. Universiti Malaya.

Ajzen, I. (1985). From intentions to actions: A theory of planned behavior. In J. Kuhi & J. Beckmann (Eds.), *Action-control: From cognition to behavior*. Heidelberg: Springer. (pp.11-39)

Ajzen, I. (1991). The theory of planned behavior, *Organizational Behavior and Human Decision Processes*. *Journal of Leisure Research*. 50, 179-211.

Ajzen, I., & Driver, B.L. (1992). Application of the theory of planned behavior to leisure choice. *Journal of Leisure Research*, 24(3), 207-224.

Ajzen, I., & Fishbein, M. (1980). *Understanding attitudes and predicting social behavior*. Englewood Cliffs, NJ: Prentice-Hall.

Ajzen, I., & Madden, T.J. (1986). Prediction of goal directed behavior: Attitudes, intentions, and perceived behavioural control. *Journal of Experimental Social Psychology*, 22, 453-474.

- Fishbein, M., & Ajzen, I. (1975). *Belief, Attitude, Intention and Behavior: An Introduction to Theory and Research*. Englewood Cliffs, NJ: Prentice-Hall.
- Gullick (J.M). (1964). *Malaya*. London: Krnest Benn Limited.
- Graham Parr. (2004). Professional Learning. Professional Knowledge and Professional Identity: A Bleak View, but on the Possibilities, in *English Teaching: Practice and Critique*. vol 3. no 2. .2-3.
- H. Asep Muhyiddin dan Agus Ahmad Safei. (2002). *Metode Pengembangan Dakwah*. Bandung: Pustaka Setia.
- H. Asep Muhyiddin. (2002). *Dakwah dalam Perspektif Al-Qur'an*. Bandung: Pustaka Setia.  
<http://www.muip.gov.my/v3/index.php>.  
<http://www.jaip.pahang.gov.my/index.php/perkhidmatan>.  
<http://www.ikram.org.my/v1/index.php/>  
<http://www.abim.org.my/v1/index.php/perkhidmatan/>
- Mohd. Kamal Hassan. (1996). *Towards Actualizing Islamic Ethical and Educational Principles in Malaysian Society: Som Critical Observations*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia.
- Mohd. Janib Johari. (2001). *Etika Profesional*. Johor : Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Shahar Sidek. (1993). Profesionalisme dan Akauntabiliti: Beberapa Definisi & Isu-Isu Organisasi. dalam *Warisan Gemilang: Buletin INTAN 1976-1991*. Kuala Lumpur : INTAN.
- Nor Hayati Sa'at. (2004). Golongan Profesional Melayu di Terengganu: Kajian Sosio Budaya. *Jurnal Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan*. Universiti Kebangsaan Malaysia. Akademika (64) Januari 2004.
- Nordin Selat. (1976). *Kelas Menengah Pentadbir Melayu*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.